

SIARAN MEDIA



SUSU NESTLE OMEGA PLUS® BARU DENGAN OAT MENINGKATKAN KESIHATAN JANTUNG ANDA DENGAN KEHEBATAN DUA BAHAN PENGURANG KOLESTEROL

Dengan Acticol® dan Beta-glukan untuk menghalang dan menyingkirkan kolesterol secara semula jadi dan berkesan

KUALA LUMPUR, 24 MEI 2016 – Rakyat Malaysia kini boleh meningkatkan kesihatan jantung mereka dengan Susu Nestlé Omega Plus® dengan Oat; produk pertama di pasaran yang menggabungkan tindakan daripada dua bahan pengurang kolesterol semula jadi iaitu Acticol® dan Beta-glukan yang dilancarkan oleh penyokong kesihatan jantung Malaysia, Nestlé Omega Plus®.

Hanya Nestlé Omega Plus® dengan Oat mengandungi Acticol® yang diperoleh secara semula jadi daripada sterol tumbuhan, yang telah terbukti secara saintifik boleh menghalang kolesterol daripada diserap ke dalam aliran darah. Ia bertindak serentak dengan Beta-glukan daripada oat yang mengikat kolesterol di dalam usus dan menyingirkannya dari tubuh.

Dua tindakan menghalang dan menyingkirkan kolesterol yang juga dikenali sebagai Kehebatan Kuasa Dua atau “The Power of Two” ini membantu rakyat Malaysia menguruskan paras kolesterol dengan lebih berkesan, berbanding dengan pengambilan oat sahaja¹.

Penjagaan jantung melalui pencegahan tidak menjadi kepentingan bagi kebanyakan orang dewasa di Malaysia kerana penyakit jantung biasanya dianggap sebagai penyakit yang hanya dihidapi oleh warga tua². Namun, kajian telah menunjukkan sebaliknya. Disebabkan gaya hidup yang tidak sihat, rakyat Malaysia yang berumur 30-an mempunyai arteri yang hampir sama dengan mereka yang berumur 70-an³.

Kesimpulannya: rakyat Malaysia kini mendapat penyakit jantung di usia yang lebih muda. Walau bagaimanapun, perkara ini boleh dielakkan. Susu Nestlé Omega Plus® dengan Oat kini memberikan rakyat Malaysia penyelesaian yang konsisten dan proaktif untuk mempertingkatkan rutin pengurusan kesihatan jantung yang holistik.

“Dengan gaya hidup yang sibuk dan budaya makan yang kuat, semakin ramai rakyat Malaysia mengamalkan tabiat-tabiat tidak sihat yang akhirnya membawa kepada masalah-masalah kardiovaskular,” kata Ng Su Yen, Pengurus Eksekutif Perniagaan, Susu dari Nestlé Malaysia, ketika berucap di majlis pelancaran yang diadakan di Hotel One World di Bandar Utama hari ini.

“Perubahan kecil kepada gaya hidup seperti bersenam dengan kerap dan mengamalkan diet menyihatkan jantung yang dilengkaskan dengan dua hidangan Susu Nestlé Omega Plus® dengan Oat yang lazat setiap hari boleh meningkatkan kualiti hidup golongan yang berisiko. Dengan produk terbaru ini, kami berharap dapat membantu rakyat Malaysia membuat perubahan yang mudah kepada rutin harian mereka untuk kesihatan keseluruhan yang lebih baik. Sebagai penyokong kesihatan jantung, kami ingin menggalakkan rakyat Malaysia untuk mengambil langkah-langkah

UNTUK PENYIARAN SEGERA

yang konsisten dan proaktif untuk memastikan mereka dapat menikmati kehidupan yang lebih bermakna dan bebas dari kebimbangan,” tambah beliau.

Susu Nestlé Omega Plus® dengan Oat didatangkan di dalam paket satu hidangan yang mudah – mengambil dua hidangan setiap hari seperti yang disarankan mudah sekali kerana anda boleh membawa paket minuman ini di dalam beg kerja atau gim dan menikmatinya pada bila-bila masa. Hanya tambahkan 200ml air panas, kacau dan nikmati kuasa tindakan dua bahan pengurang kolesterol yang membolehkan anda menikmati hidup sepenuhnya!

Susu Nestlé Omega Plus® dengan Oat boleh didapati dari Mei 2016 di semua pasaraya dan pasaraya hiper pada harga RM19.98 (10 paket x 42g di dalam setiap paket). Kunjungi cawangan AEON, AEON BIG, GIANT, TESCO, ECONSAVE dan MYDIN yang berhampiran untuk mula menjaga kesihatan jantung anda hari ini.

Untuk maklumat lanjut mengenai Susu Nestlé Omega Plus® dengan Oat

layari www.facebook.com/NestleOmegaPlus

1 Thomsen AB, et al. Eur J Clin Nutr 2004; 58:860-870

2 Caring For The Heart. Prof Datuk Paduka Dr Wan Azman Wan Ahmad, Professor of Medicine and Cardiology. 21-Dec-15 17:10

Retrieved from <http://www.bfm.my/wan-azman-wan-ahmad-cardiology-caring-for-heart.html>

3 Renganayar, C. (2016, April 24). Young people, ageing arteries. New Straits Times Online.

Retrieved from <http://www.nst.com.my/news/2016/04/141124/young-people-ageing-arteries>

Mengenai Nestlé Omega Plus® dengan Oats

Susu NESTLÉ OMEGA PLUS® dengan Oat menggabungkan kehebatan dua bahan yang diperoleh secara semula jadi untuk menurunkan* paras kolesterol dengan selamat dan berkesan di samping mengekalkan rasa yang lazat untuk jantung yang lebih sihat. Susu NESTLÉ OMEGA PLUS® dengan Oat mengandungi Acticol® dari Susu NESTLÉ OMEGA PLUS® - sejenis sterol tumbuhan yang menghalang kolesterol dan Beta-glukan dari oat yang mengikat dan menyingsirkan kolesterol dari tubuh. 2 hidangan Susu NESTLÉ OMEGA PLUS® dengan Oat yang mudah dan lazat ini memberikan anda 1.2g Acticol® dan 1.6g Beta-glukan.

*Thomsen AB, et al. Eur J Clin Nutr 2004; 58:860-870

Mengenai Nestlé Malaysia

Nestlé, pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia serta peneraju Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan, beribu pejabat di Switzerland. Sejak tahun 1866, Nestlé komited untuk menawarkan produk bermutu tinggi, lazat, selamat dan berkhasiat kepada para pengguna, sejarar dengan janji Good Food, Good Life kami. Menjana khasiat rakyat Malaysia sejak tahun 1912, Nestlé telah meraih kepercayaan para pengguna menerusi jenama dan produk berkualiti kami, serta komitmen untuk meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat di mana kami beroperasi. Di Nestlé, para pengguna kami merupakan nadi dalam segala yang kami lakukan. Kami menggembirakan para pengguna dengan menawarkan produk yang mempunyai kualiti yang terbaik; sejarar dengan asal-usul kami di Switzerland sambil mengekalkan kecemerlangan dan ketelusan produk Halal kami. Untuk maklumat lanjut tentang usaha kami menjana khasiat rakyat Malaysia melebihi seabad, sila layari www.nestle.com.my atau kunjungi laman Facebook kami di <http://www.facebook.com/NestleMalaysia>.

UNTUK PENYIARAN SEGERA

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Maxine Lim

Nestlé (Malaysia) Berhad

Tel: (+603) 7965 5185

E-mel: Maxine.Lim@my.nestle.com

Alesha Mah

Nestlé (Malaysia) Berhad

Tel: (+603) 7965 5136

E-mel: Alesha.Mah@my.nestle.com

Farah Zulkefly

Geometry Global Public Relations

Tel: (+6012) 3344 885

E-mel: farah.zulkefly@geometry.com

Robert Chan

Geometry Global Public Relations

Tel: (+6012) 368 6078

E-mel: robert.chan@geometry.com